

7 FAKTA PENTING TENTANG

TERJEMAHAN KITAB SUCI

YANG PERLU ANDA TAHU



MUAZAH ABU SAMAH

7 FAKTA PENTING TENTANG
TERJEMAHAN KITAB SUCI

Yang

Perlu Anda Tahu

Muazah Abu Samah PhD

PENAFIAN DAN HAKCIPTA

Terbitan Pertama (Elektronik): ©Copyright 2026

eISBN 978-967-2703-33-4

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana pihak tidak dibenarkan mengeluarkan bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis.

Penulis tidak menjamin isi yang terkandung dalam e-buku ini adalah sesuai atau tidak kepada pembaca kerana semua isi dan kandungan adalah melalui pemahaman dan pengetahuan penulis sendiri.

7 FAKTA PENTING TENTANG TERJEMAHAN KITAB SUCI YANG PERLU ANDA TAHU

e ISBN 978-967-2703-33-4



IPG KAMPUS SULTAN ABDUL HALIM

(online)

Diterbitkan oleh:
Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral
IPG Kampus Sultan Abdul Halim
Sg Petani, Kedah.

ISI KANDUNGAN

PENAFIAN DAN HAKCIPTA.....	(1)
ISI KANDUNGAN	(2)
BIODATA PENULIS	(4)
PENGHARGAAN	(5)
KATA PENGANTAR	(7)
SINOPSIS	(9)
Soalan1: Apakah Kepentingan Terjemahan?..	
(10)	
Soalan 2: Bagaimanakah Perkembangan Bidang Penterjemahan Islam?.....	(14)
Soalan 3: Siapakah Penterjemah Islam Pertama?	(18)
Soalan 4: Bagaimanakah Terjemahan Menjadi Medium Dakwah?.....	(23)
Soalan 5: Bolehkah al-Quran Diterjemahkan?.....	(27)

Soalan 6: Apakah Syarat Terjemahan al-Quran?..... (33)

Soalan 7: Bagaimanakah Teks Terjemahan Membantu Meningkatkan Kualiti Beradab dengan alQuran?.....(39)

Penutup. (46)

Rujukan

BIODATA PENULIS



- Kelahiran Kg Lubuk Rambutan, Pendang Kedah.
- Pensyarah Bahasa Arab, IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sg Petani, Kedah sejak 2008-sekarang.
- Pendidikan menengah di Maktab Mahmud Alor Setar.
- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Uni al-Azhar
- Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Arab, UKM
- Ijazah Kedoktoran, Pengajian Terjemahan dan Interpretasi, USM

PENGHARGAAN

Alhamdulillah *rabb al-‘alamin*, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah yang memberi rahmat sehingga e-buku ini berjaya diterbitkan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada suami Mohd Amir Hussin, anak-anak, Hannah, Nuha, Umair dan Anas serta seluruh ahli keluarga yang sentiasa menyokong kerja buat saya selama ini.

Sekalung penghargaan kepada tuan pengarah IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Dr Aris Fazil Bin Hj Ujang yang sentiasa menggalakkan para pensyarah agar aktif menyumbang khususnya dalam dunia penulisan ilmiah.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada guru-guru saya khususnya PM Dr Idris Mansor

yang banyak membimbing saya dalam dunia kajian terjemahan. Tidak lupa, selaut kesyukuran dikalungkan kepada Mentor Dr Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri dan seluruh warga 2MW yang menyediakan platform sehingga tercetusnya penerbitan e-buku ini.,

Semoga usaha kita dinilai sebagai pahala jariah di sisi Allah yang Maha Kuasa

KATA PENGANTAR



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Tahniah diucapkan kepada Dr Muazah Abu Samah @ Hashim atas usaha beliau untuk menerbitkan e-buku ‘7 Fakta Penting Tentang Terjemahan Kitab Suci Yang Perlu Anda Tahu’ ini. Satu usaha yang murni dalam berkongsi pengetahuan tentang terjemahan dalam Islam kepada masyarakat umum.

Walaupun bidang terjemahan masih kurang mendapat tempat dalam kalangan

masyarakat Malaysia, namun bidang ini memainkan peranan yang sangat penting terutama bagi tujuan perkongsian ilmu dan pengetahuan dengan orang ramai yang tidak berkemampuan untuk memahami bahasa sumber.

Semoga usaha murni sebegini dapat diteruskan dan mendapat petunjuk serta keredhaan Allah s.w.t.

Sekian, terima kasih atas perkongsian.

Profesor Madya Dr. Idris Mansor
Bahagian Pengajian Terjemahan dan Interpretasi
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

SINOPSIS

Bidang terjemahan memainkan peranan yang sangat besar dalam perkembangan sesebuah tamadun. Lebih menarik lagi bidang ini merupakan salah satu teras dalam penyebaran Dakwah Islam. Semoga kehadiran e-buku ini sedikit sebanyak dapat menjawab persoalan-persoalan anda khususnya berkaitan terjemahan dalam Islam.

SOALAN 1: APAKAH KEPENTINGAN TERJEMAHAN?

Terjemahan merupakan satu aktiviti yang dilakukan oleh manusia untuk berkomunikasi antara kelompok masyarakat yang berbeza bahasa dan budaya (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2008: 17).

Bayangkan jika kita menonton sebuah dokumentari berbahasa asing yang sangat tinggi nilai ilmu ataupun membaca sebuah ensiklopedia yang

padat dengan maklumat bermanfaat, namun kita tidak mampu memahami isi kandungannya kerana kekangan bahasa. Alangkah ruginya kita, kan?

Dek kerana kemampuan manusia yang terbatas untuk berinteraksi dan memahami bahasa-bahasa di dunia ini, lantaran itulah khidmat terjemahan sangat-sangat diperlukan.

Justeru, bidang terjemahan boleh diibaratkan seperti sebuah jambatan yang menjadi penyambung antara

manusia yang berbeza bahasa dan budaya.

Hakikatnya, penterjemahan merupakan antara kaedah utama untuk memindahkan ilmu pengetahuan dalam usaha membangunkan sesebuah negara dan menjadikan rakyat sesebuah negara mampu berdaya saing dalam pelbagai bidang ilmu.

Buktinya, pemangkin utama zaman keagungan Tamadun Islam suatu ketika dahulu adalah ditunjangi oleh

gerakan penterjemahan yang amat aktif ketika itu.

Terjemahan adalah penggantian teks dalam suatu bahasa (bahasa sumber) dengan teks yang sepadan dalam bahasa lain (bahasa sasaran) (Catford, 1980).

SOALAN 2: BAGAIMANAKAH PERKEMBANGAN BIDANG TERJEMAHAN ISLAM?

Antara faktor utama perkembangan tamadun Islam yang gemilang suatu ketika dahulu adalah, impak daripada aktiviti pemanfaatan dan penyusunan semula ilmu-ilmu sedia ada.

Kemasukan ilmu-ilmu daripada tamadun luar seperti Tamadun Arab, Mesir, Parsi Rom dan India didapati telah berjaya membantu merancakkan

dan menyemarakkan lagi perkembangan tersebut (Abdullah Zhidi Omar, Roslina Suratnu, Mohd Nahi Abdullah, Raudhah Ali, Mohd Rozali dan Mahdi Shuid, 2013).

Aktiviti penterjemahan mula menyerlah pada zaman Kerajaan Umaiyyah (661-750M), sehingga empayar Islam sehingga menjadi pusat pemindahan ilmu-ilmu dari tamadun luar. Aktiviti tersebut menjadi semakin aktif dan berkembang pada zaman Bani Abbasiyyah (Ratna

Roshida Ab. Razak & Aiza Maslan @ Baharudin, 2010).

Kemuncaknya, pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, sebuah pusat ilmu dan penterjemahan buku-buku dari tamadun luar yang diberi nama *Bait al-Hikmah* di Baghdad telah ditubuhkan (Abdullah Zhidi Omar *et al.*, 2013)

Kesannya, lahirlah tokoh-tokoh ilmuan dalam pelbagai bidang ilmu seperti bidang falsafah, algebra,

matematik, bidang perubatan dan bidang astronomi yang menjadi pelopor kepada perkembangan ilmu dan tamadun manusia sehingga ke hari ini.

Para sarjana mengiktiraf bahawa buku-buku terjemahan yang dihasilkan di Baghdad bernilai tinggi dan dijadikan sumber rujukan penting di pusat-pusat pengajian tinggi di Eropah kerana telah diterjemahkan oleh pakar bidang-bidang (Mahdsi Shuid, Rumaizuddin, 2008).

**SOALAN 3: SIAPAKAH
PENTERJEMAH ISLAM
PERTAMA?**

Mungkin tidak ramai yang menyedari bahawa, aktiviti penterjemahan sebagai medium dakwah ini sebenarnya telah bermula sejak zaman permulaan kedatangan Islam lagi.

Rasulullah SAW telah mendapatkan khidmat seorang penterjemah untuk memudahkan

interaksi dan dakwah baginda dengan pihak asing. Khidmat penterjemah juga diperlukan oleh baginda bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya sebarang penipuan ketika berurusan dengan pihak asing.

Penterjemah pertama Rasulullah SAW ialah Zaid bin Thabit r.a., iaitu seorang anak remaja yang terkenal sangat cerdas akalnya, hafaz al-Quran, mahir menulis dan membaca serta memiliki kemahiran lingual yang tinggi.

Rasulullah SAW sangat tertarik melihat kepintaran, kecerdasan akal dan kefasihan Zaid yang istimewa. Nabi Muhammad SAW kemudiannya menyarankan kepada Zaid bin Tsabit agar belajar cara menulis dan bercakap orang Yahudi.

Zaid bin Tsabit belajar dengan bersungguh-sungguh dan mampu menguasai bahasa Yahudi tersebut dalam tempoh sekitar satu bulan setengah sahaja. Selepas itu, baginda

Rasulullah SAW meminta beliau mempelajari pula bahasa Siryani, iaitu golongan bahasa ahli kitab.

Akhirnya Zaid bin Thabit, seorang anak remaja yang memiliki kemahiran lingual yang tinggi telah menjadi penterjemah pertama bahasa Ibriyyah dan Siryaniyyah yang sangat berjasa kepada Nabi Muhammad SAW khususnya dan perkembangan dakwah Islam umumnya.

Zaid bin Tsabit berkata, "Rasulullah SAW memerintahkan aku untuk mempelajari tulisan orang-orang Yahudi. Lalu aku mempelajari penulisan orang-orang Yahudi untuk beliau." Zaid berkata, "Demi Allah, sungguh aku tidak merasa aman kepada orang-orang Yahudi terhadap tulisanku. Lalu aku mempelajarinya, dan hanya berlalu setengah bulan aku telah menguasainya. Lalu aku menuliskan untuknya apabila Beliau (ingin) menulis dan aku membacakan untuknya jika beliau mendapat surat."

Riwayat Abu Daud (3645)

SOALAN 4: BAGAIMANAKAH TERJEMAHAN MENJADI MEDIUM PENYEBARAN DAKWAH?

Kajian-kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa tujuan utama penterjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu pada peringkat awal adalah untuk menyampaikan ajaran agama Islam kepada masyarakat (Idris Mansor, 2019).

Usaha gigih para pendakwah untuk menyebarkan ajaran al-Quran

dan hadis melalui medium terjemahan menyebabkan pengaruh dakwah Islam semakin melebar ke seluruh ceruk rantau dan telah diterima oleh pelbagai bangsa di seluruh dunia.

Justeru itu, dapatlah disimpulkan bahawa penyebaran mesej dakwah ke seluruh pelosok dunia sangat bergantung kepada penggunaan medium terjemahan. Hal ini demikian kerana, dakwah menggunakan bahasa tempatan ternyata lebih memudahkan penyampaian dan lebih menawan hati kelompok sasaran.

Antara tokoh ulama Nusantara yang banyak berjasa dalam menyampaikan dakwah melalui medium terjemahan teks-teks Arab ke dalam bahasa Melayu/Indonesia ialah Syeikh Daud bin Abdullah (1769-1847), Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi (1896-1989) dan Syeikh Ahmad Semait (1933 - 2006).

Jelas di sini peranan para penterjemah khususnya dari kalangan para ulama dalam membantu penyebaran dakwah dan mesej

keagamaan kepada umat manusia sangat besar dan perlu diberikan pengiktirafan yang sebaiknya.

Saidina Umar R.A berkata:

تَعَلَّمُوا الْعَرَبِيَّةَ

Pelajarilah bahasa Arab.

(Riwayat al-Baihaqi, no. 2274)

SOALAN 5: BOLEHKAH AL-QURAN DITERJEMAHKAN?



Idea penterjemahan kitab al-Quran ke dalam bahasa-bahasa lain pada peringkat awalnya ditentang oleh sebahagian ulama Islam.

Penentangan ini bertitik tolak daripada rasa kebertanggungjawaban para ulama untuk mempertahankan kesucian teks al-Quran daripada dicemari sehingga boleh menjejaskan kemukjizatan Kalamullah yang istimewa itu.

Tambahan pula, para ulama telah sepakat mengatakan bahawa ketinggian bahasa al-Quran tidak akan mampu ditandingi oleh teks terjemahan dalam bahasa lain. Para penterjemah juga tidak akan mampu memindahkan maksud yang

terkandung dan tersirat dalam teks asal dengan sempurna. Oleh itu, adalah mustahil untuk membenarkan al-Quran daripada diterjemahkan.

Namun begitu, lantaran peningkatan bilangan penganut baharu yang tidak memahami Bahasa Arab, keperluan terhadap terjemahan al-Quran menjadi semakin mendesak. Hal ini demikian kerana, kitab suci diturunkan untuk menjadi panduan kepada manusia. Sekiranya teks tidak dapat difahami pembaca bererti

objektif penurunannya seakan-akan tidak tercapai.

Lebih parah lagi apabila kelompongan tersebut didapati telah diisi oleh pihak orientalis Barat. Antaranya ialah teks terjemahan al-Quran hasil terjemahan J.M Rodwell (1861) dan E. H. Palmer (1876) (Kasyfullah Abd Kadir, 2018).

Sangat membimbangkan apabila teks terjemahan oleh golongan orientalis tersebut didapati sarat

dengan pelbagai penyelewengan dan kesilapan-kesilapan kerana diterjemah secara sewenang-wenang berdasarkan fahaman mereka sendiri itu.

Situasi tersebut sangat merbahaya kerana boleh menimbulkan kekeliruan yang dahsyat dan perlu diambil langkah pencegahan yang bersesuaian.

Desakan-desakan tersebut menyebabkan para ulama Islam akhirnya memutuskan agar diharuskan

menterjemah teks al-Quran ke dalam bahasa sasaran dengan syarat wajib mematuhi tatacara dan piawaian yang telah ditetapkan.

Al-Quran terjemahan pertama ke dalam Bahasa Inggeris oleh penterjemah Muslim yang lengkap, menarik dan paling banyak digunakan telah dihasilkan pada tahun 1934 oleh Abdullah Yusuf Ali.

SOALAN 6: APAKAH SYARAT TERJEMAHAN AL-QURAN?

Para ulamak Islam telah menetapkan syarat-syarat yang ketat sebelum sesuatu hasil terjemahan teks al-Quran dihasilkan dan disebarkan. Antara syarat-syarat tersebut ialah penterjemahan dan penyebaran teks terjemahan al-Quran wajib disertakan bersama dengan ayat asalnya dalam Bahasa Arab.

Hal ini demikian kerana, para ulama Islam sependapat mengatakan bahawa terjemahan manusia tidak akan mampu membawa mengambil alih kedudukan al-Quran yang tinggi dan agung itu.

Syarat yang ditetapkan tersebut didapati sangat bertepatan dengan janji-janji Allah SWT untuk memelihara keutuhan ayat al-Quran. Antaranya, firman Allah SWT dalam surah *al-Hijr* ayat 9 yang berbunyi,

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Sesungguhnya Kami lah yang menurunkan Al-Qur'an, dan pasti Kami (pula) yang memeliharanya.

Menurut al-Alusi (1994), ayat ini sekaligus diturunkan untuk membuktikan kemukjizatan dan keagungan Kalamullah yang masih kekal terpelihara sehingga ke hari ini berbanding kitab agama lain yang sudah tidak terjamin keasliannya.

Kenyataan ini dibuktikan melalui hasil-hasil kajian oleh para sarjana seperti Chatzitheodorou (2001) dan Kirk (2005: 99-101) terhadap teks terjemahan Injil dan Johnson (2005: 74) serta Octavio, (2020: 1) terhadap teks terjemahan Bhagavad Gita yang mendapati bahawa kedua-dua teks tersebut semakin jauh berbeza berbanding teks asalnya dan berlakunya perbezaan yang sangat ketara antara satu teks dengan teks lain.

Masalah ini timbul kemungkinan berpunca daripada proses penterjemahan teks-teks agama tersebut tidak ditetapkan syarat: “mesti disertakan dengan teks asal sebagai rujukan” seperti syarat untuk penterjemahan al-Quran. Keadaan ini menyebabkan sebarang aktiviti penambahan atau pengurangan yang dilakukan oleh para penterjemah tidak dapat dikenal pasti ataupun disekat.

Ketegasan dan ketelitian para ulama Islam dalam perkara ini ternyata memainkan peranan yang sangat besar

dalam membantu memelihara kesucian kitab suci al-Quran dari dicemari atau diubah oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

خَيْرُ جَلِيسٍ فِي الزَّمَانِ كِتَابٌ

(Sebaik-baik teman sepanjang waktu adalah buku)

**SOALAN 7- BAGAIMANAKAH TEKS
TERJEMAHAN MEMBANTU
MENINGKATKAN KUALITI BERADAB
DENGAN AL-QURAN?**

Tahukah anda, antara adab yang dianjurkan ketika membaca al-Quran ialah dengan cara menghadirkan atau mengekspirasikan perasan kita ketika membaca ayat-ayat suci tersebut.

Hal ini demikian kerana, ketika membaca ayat-ayatNya bermakna kita

sedang berinteraksi secara langsung dengan Allah Rabb al-Jalil. Jadi, sebagai seorang hamba yang berakhlak, perlulah berusaha menzahirkan perasaan sesuai dengan maksud firman Allah SWT yang sedang dibaca.

Contohnya, jika membaca ayat berkaitan dengan syurga dan balasan-balasan kebaikan, perlulah dibaca dengan nada gembira dan diiringi dengan doa agar tergolong dalam golongan tersebut.

Sebaliknya jika ayat-ayat tersebut

berkaitan dengan ancaman kemurkaan dan neraka Allah, sewajarnya lah dibaca dengan penuh rasa gerun sambil berdoa agar terhindar dari semua itu. *Nauzubillah min zaalik.*

Persoalannya, bagaimanakah seseorang boleh berinteraksi dan menunjukkan respon jika tidak memahami apa yang dibaca?

Jawapannya tidak lain tidak bukan perlulah kepada perantaraan teks terjemahan untuk membantu

seseorang pembaca menghayati maksud Firman Allah SWT dengan lebih baik.

Ringkasnya, teks terjemahan bukan sahaja membantu seseorang untuk dapat memahami firman Allah SWT, malah secara tidak langsung dapat membantu mempertingkatkan kualiti berinteraksi dan beradab dengan al-Quran.

Namun begitu, cabaran utama terjemahan al-Quran pada masa kini

ialah keterbatasan bahasa sasaran dalam menzhirkan makna sebenar kalam Allah SWT. Bahasa al-Quran sarat dengan unsur balaghah, keindahan stilistik, metafora, serta lapisan makna yang tidak dapat dipindahkan secara literal ke dalam bahasa lain (Abdul-Raof, 2020).

Selain itu, cabaran turut timbul apabila terjemahan dibaca secara terpisah daripada konteks asbab alnuzul, tafsir dan disiplin ilmu al-Quran. Keadaan ini berisiko menyebabkan pembaca membuat

tafsiran peribadi yang tidak berlandaskan manhaj ilmu, seterusnya membuka ruang kepada salah faham terhadap maksud ayat-ayat suci (Mansor & Kadir, 2021).

Kemajuan teknologi digital telah memudahkan capaian kepada terjemahan al-Quran melalui aplikasi mudah alih, laman sesawang dan perisian pintar (Ali & Mohamed, 2022). Walau bagaimanapun, para sarjana menegaskan bahawa teknologi hanya berperanan sebagai alat sokongan, bukan pengganti kepakaran

manusia dalam memahami teks wahyu (Abdul-Raof, 2020).

Oleh itu, penggunaan teknologi dalam terjemahan al-Quran perlu disertai dengan garis panduan etika yang jelas agar tidak berlaku penyalahgunaan atau penyelewengan makna wahyu yang agung lagi suci.

PENUTUP

Sesungguhnya peranan bidang penterjemahan sangat penting dalam membina peradaban dan menjadi jambatan ilmu antara pelbagai budaya. Oleh itu usaha-usaha ke arah peningkatan kepakaran dan kemajuan bidang ini perlu dipergiatkan dan dipertingkatkan lagi.

RUJUKAN

Abdul-Raof, H. (2020). *The Qur'an: Limits of Translatability*. London: Routledge.

Abdullah Zhidi Omar, Roslina Suratnu, Mohd Nahi Abdullah, Raudhah Ali, Mohd Rozali dan Mahdi Shuid. 2013. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Al-Alūsi, Shihab al-Dīn al-Said Maḥmūd. (1994). *Rūḥ al-Maʿānī fī Tafsīr al-Qurān al-ʿAẓīm wa al-Sabʿu al-Mathānī*. Beirut, Lubnan: Darul Fikr.

Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan teknik terjemahan*. Kuala Lumpur, Malaysia: PTS Professional Publishing.

Ali, A. Y., & Mohamed, N. (2022). Digital Qur'an translation and interpretation in the age of artificial intelligence. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 12(1), 1–18.

Chatzitheodorou, I. (2001). Problems of Bible translation. *Translation Journal and the Author* 5(4).

- Idris Mansor. (2019). Senario Terjemahan Arab-Melayu. *Dalam Isu-isu dalam Terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1-21.
- Idris Mansor & Kasyfullah Abdul Kadir (2021). Translation of religious texts: Issues, ethics and challenges. *Journal of Qur'anic Studies*, 23(2), 45–62.
- Johnson, W. J. (2005). *Making sanskritic or making strange. Dalam Long, Translation and Religion: Holy Untranslatable?*. Great Britain: Cromwell Press Ltd, 65–74.
- Kasyfullah Abd Kadir (2018), Tatacara penterjemahan perkataan mushtarak dalam al-Quran ke dalam bahasa Melayu. (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- Kirk, P. (2005). Holy communicative? Current approaches to Bible translation worldwide.” *Dalam Long L. Translation and Religion: Holy Untranslatable?* Clevedon. Buffalo. Toronto: Multilingual Matters, 89–102.
- Mahdi Shuid, Rumaizuddin & Hazlina Mansor. (2008). *Tamadun Islam*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia.

Noor Shakirah Mat Akhir, Wan Rose Eliza Abdul Rahman & Salasiah Hanin Hamjah. (2014). 'The call to Islam' Focusing on the role of translation as a method of dakwah and its importance towards the spiritual development of the mualafs in Islam. *Afkar*, 197–222.

Octavio. (2020). How many languages is the Bhagavad Gita translated into. Diperoleh dari <https://study.com/academy/answer/how-many-languages-is-the-bhagavad-gita-translated-into>.

Ratna Roshida Ab. Razak & Aiza Maslan @ Baharudin, (2010) Ketinggian Bidang Terjemahan Sebagai Satu Manifestasi Bangsa Berilmu: Pengajaran dari Tamadun Awal Islam. *Jurnal Peradaban* (Vol 3: 17-35).

<https://askara.co/read/2020/03/19/2287/orang-pertama-yang-menerjemah-al-quran-ke-bahasa-inggris>)

Bakal terbit pelbagai jenis e-buku yang
bermanfaat dan menarik.

Berminat hubungi saya :
muazah_abu_samah@ipsah.edu.my
HP: 019-4146912

Terima kasih atas sokongan anda.
17 Januari 2026